

**PENYEMBAHAN IMEJ DALAM AGAMA KRISTIAN, HINDU DAN BUDDHA:
ANALISIS PERBANDINGAN**

**Nurhanisah Binte Senin, Mustafa Kamal Bin Ahmad Misra, Muhammad Faiz Mukmin
Bin Abdul Mutalib**

nurhanisah@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Abstrak

Penyembahan imej dalam agama merupakan teras kepada sebahagian kepercayaan seperti Kristian, Hindu dan Buddha. Sebaliknya dalam ajaran monoteistik Islam dan Yahudi, penyembahan imej dalam upacara peribadatan adalah dilarang kerana menurut ajaran Islam dan Yahudi tuhan tidak boleh disembah dalam bentuk imej yang direka oleh manusia. Namun begitu, menurut penganut Kristian, Hindu dan Buddha, imej yang wujud dalam upacara keagamaan mereka hanyalah merupakan simbol dalam melaksanakan penyembahan mereka. Justeru, kertas kerja ini membincangkan konsep penyembahan imej dalam Kristian, Hindu dan Buddha dengan menggunakan kaedah analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan ajaran Kristian dan Buddha menganggap imej yang wujud dalam peribadatan sebagai simbol perantaraan bertujuan meningkatkan fokus dalam penyembahan. Berbeza dengan agama Hindu yang benar-benar menganggap tuhan mereka menjelma dalam bentuk patung yang disembah. Tuntasnya, penyembahan imej dalam agama Kristian, Hindu dan Buddha jelas mempunyai persamaan dan perbezaan daripada aspek fungsi, rupa bentuk dan konsep ketuhanan.

Kata Kunci: Penyembahan, Imej, Kristian, Hindu, Buddha

1. PENDAHULUAN

Penyembahan merupakan salah satu aspek penting dalam perbahasan agama. Setiap agama mempunyai cara penyembahan tersendiri. Secara umumnya, penyembahan agama boleh dibahagikan kepada dua iaitu penyembahan tuhan dalam bentuk imej atau patung dan penyembahan tanpa kewujudan imej atau patung dalam bentuk fizikal.

Penyembahan imej tuhan wujud dalam beberapa agama dunia seperti agama Hindu, Buddha, dan sebahagian aliran dalam Kristianiti. Manakala penyembahan yang tidak menyerupai tuhan dalam bentuk fizikal adalah seperti agama Islam dan Yahudi. Terdapat juga kepercayaan-kepercayaan tradisi seperti Mesir Purba, Yunani, Rom, Afrika, Asia dan Amerika yang mempunyai unsur penyembahan imej dan menyucikan sebahagian patung namun kesemuanya mempunyai maksud signifikan yang tersendiri (Halbertal 1992).

Sebagai contoh menurut Yehezkel Kaufman (1960) salah seorang pemikir Yahudi berpendapat agak keterlaluan apabila setiap agama yang menyembah tuhan dalam bentuk imej dianggap sebagai menyembah berhala sedangkan dalam sebahagian agama patung tersebut hanya merupakan simbol penyembahan mereka. Beliau memberikan contoh bagaimana yang disebutkan dalam kitab Perjanjian Lama, bagaimana pendeta Pagan boleh meminta pertolongan daripada tuhan Baal mereka tanpa perlu kepada patung mereka.

Menurut sebahagian agama, penyembahan ikon atau imej hanyalah merupakan simbol sahaja tanpa merujuk kepada tuhan mereka secara absolut. Namun, pada perspektif agama monoteis seperti agama Islam dan Yahudi dengan tegas menolak sebarang penyembahan imej atau ikon dalam upacara keagamaan kerana beranggapan tuhan tidak boleh diberikan sebarang rupa bentuk.

Ideologi yang bercanggahan dengan penyembahan imej atau penyucian patung dalam penyembahan digelar sebagai *aniconism* manakala gerakannya digelar sebagai *iconoclasm*. Lanjutan daripada gerakan ini menimbulkan pergeseran antara agama dan keganasan antara penyokong penyembahan imej dan penentangannya.

Perbahasan berkenaan penyembahan imej ini jelas merupakan perbahasan yang sentiasa menjadi perbincangan antara agama-agama terutamanya di antara agama Kristian, Yahudi dan Islam. Perkara ini berlaku hasil daripada percanggahan pendapat dalam mendefinisikan skop penyembahan imej itu sendiri dalam kalangan penganut aliran Kristian Protestan dan Kristian Katolik di mana Protestan beranggapan ajaran Katolik bertentangan dengan ajaran Bible dengan kewujudan ikon-ikon dalam gereja dan upacara peribadatan mereka. Sebaliknya ajaran Kristian Katolik mempunyai hujah mereka sendiri dalam mengharmonikan kepercayaan mereka dengan teks Bible.

Persoalan utama dalam perbahasan penyembahan imej ini adalah fungsi imej yang digunakan dalam upacara agama masing-masing, rupa bentuk imej serta keterkaitannya dengan konsep ketuhanan dalam setiap agama. Justeru, kertas kerja ini bertujuan meneliti penyembahan imej daripada aspek-aspek tersebut dalam tiga agama utama di Malaysia iaitu agama Kristian, Hindu dan Buddha diikuti dengan analisis perbandingan pada bahagian akhir kertas kerja ini.

2. PENYEMBAHAN IMEJ DALAM AGAMA KRISTIAN

Secara umumnya, ajaran Kristian menolak semua bentuk penyembahan ikon. Namun begitu, penganut Kristian berbeza pendapat tentang maksud sebenar penyembahan ikon walaupun Bible secara jelas menolak sebarang penyembahan berhala. Contohnya, di dalam Perjanjian Lama yang menceritakan tentang penurunan 10 perintah kepada Moses di gunung Sinai. Dalam 10 perintah tersebut bukan sahaja menekankan tentang keesaan Tuhan bahkan menegaskan larangan menyembah sebarang ikon.

“Then God spoke all these words: I am the LORD your God, who brought you out of the land of Egypt, out of the house of slavery; you shall have no other gods before Me. You shall not make for yourself an idol, whether in the form of anything that is in heaven above or that is on the earth beneath, or that is in the water under the earth. You shall not bow down to them or worship them.”

(Exodus 20: 1-5)

Penganut Yahudi dan majoriti daripada Kristian Protestan menganggap “*I am the LORD your God*” sebagai perintah pertama diikuti dengan perintah “*you shall have no other gods before Me*” dan perintah “*you shall not make for yourself an idol*” sebagai perintah kedua. Manakala menurut Kristian Katolik, kesemua ayat di atas secara kolektif merujuk kepada perintah pertama dalam kepercayaan mereka (Redzuan, 2011).

Dalam ayat lain dalam Perjanjian Lama juga ada menyebutkan tentang larangan menyembah ikon dalam upacara pemujaan.

“All worshippers of images are put to shame, those who make their boast in worthless idols; all gods bow down before Him.” (Psalm 97: 7)

Ayat di atas mengutuk sebarang pemujaan ikon dan menegaskan balasan buruk bagi mereka yang menyembah sebarang patung. Selain itu, terdapat juga ayat-ayat daripada Perjanjian Baru yang menyebutkan tentang larangan terhadap penyembahan ikon.

“The God who made the world and everything in it, He who is Lord of heaven and earth, does not live in shrines made by human hands, nor is He served by human hands, as though He needed anything, since He Himself gives to all mortals life and breath and all things.” (Acts 17: 24-25)

Dalam ayat lain disebutkan “*Little children, keep yourselves from idols*” (John 5: 21). Ayat di atas menganjurkan kepada penganut Kristian agar menjauhi daripada penyembahan ikon. Selain itu, St. Paul juga mengutuk keras penyembahan kepada ikon.

“(Paul wrote): So they are without excuse; for though they knew God, they did not honour him as God or give thanks to him, but they became futile in their thinking, and their senseless minds were darkened. Claiming to be wise, they became fools; and they exchanged the glory of the immortal God for images resembling a mortal human being or birds or four-footed animals or reptiles. Therefore God gave them up in the lusts of their hearts to

impurity, to the degrading o their bodies among themselves, because they exchanged the truth about God for a lie and worshipped and served the creature rather than the Creator, who is blessed for ever.” (Romans 1: 20-25)

Ayat di atas menjadi hujjah kepada Kristian Protestan dalam menolak segala macam penyembahan yang berunsurkan kepada penyembahan imej samada sebagai alat penghubung mahupun sebagai alat untuk memfokuskan diri dalam upacara peribadatan. Malah, Jehovah’s Witness salah satu pecahan daripada ajaran Kristian lebih rigid lagi menolak sebarang penggunaan tingkap kaca yang mempunyai sebarang personafikasi.

Sebaliknya, gereja Katolik membenarkan penggunaan ikon dalam dekorasi gereja mahupun dalam upacara peribadatan mereka. Menurut Gwyne (2018), gereja Katolik lazimnya akan dipenuhi dengan imej-imej Jesus yang diukir pada dinding dan tingkap kacanya. Selain imej Jesus Christ, imej Virgin Mary turut dianggap suci. Kristian Katolik menganggap imej Jesus sebagai satu bentuk pemujaan yang disebut dalam bahasa latinnya sebagai *latria* manakala imej Mary dianggap sebagai suci atau *hyperdulia*. Mereka turut menganggap imej-imek *apostles* Jesus sebagai sesuatu yang suci yang disebut dengan *dulia*.

Sejarah penentangan terhadap penggunaan ikon telah wujud dalam agama Kristian pada 730M apabila raja Byzantine Raja Leo III melarang penyembahan terhadap semua imej keagamaan kecuali simbol *cross*. Larangan tersebut diteruskan di bawah pemerintahan anaknya Constantine V sehingga pada tahun 754 beliau menubuhkan satu majlis gerakan menentang penyembahan ikon (Gwyne, 2018).

Sebaliknya di biara-biara Kristian, majoriti daripada paderi bersetuju dalam isu menyucikan imej-imej. Mereka menyandarkan kepercayaan mereka terhadap karya John Damascus ‘*On the Divine Image*’ bagi menyokong praktis penyembahan imej yang dilakukan oleh mereka. Menurut John Damascus, mengatakan bahawa tuhan tidak dapat dilihat adalah salah kerana telah berlaku inkarnasi roh tuhan ke dalam tubuh manusia. Apabila inkarnasi telah berlaku maka tuhan dapat dilihat menurut kenyataan dalam Bible yang menyebut “*the Word become flesh*” (John 1: 14) yang merujuk kepada Jesus. Dengan hujah ini, penganut Kristian Katolik membenarkan penyembahan tuhan dalam bentuk imej (Hillerbrand, 2012). John

Damascus mempertahankan penyembahan imej kerana menurutnya penyembahan tersebut hanya merupakan satu perilaku luaran sahaja dan keimanan kepada Jesus melangkaui penyembahan kepada kepada imej tersebut.

Walaupun Kristian Katolik memberikan hujah seperti di atas, namun Constantine V terus memerintahkan untuk menghapuskan semua ikon-ikon dalam gereja dan pengagungan terhadap *saints*. Gerakan *iconoclasm* tersebut berlangsung sehingga zaman pemerintahan Leo IV (775-780) apabila isteri beliau Irene menggunakan kuasanya dalam membentuk Majlis Nicaea Kedua. Dalam majlis tersebut, doktrin berkenaan Jesus disusun atur kembali sehingga praktis penyucian ikon dipersetujui kembali. Hal ini berterusan hingga ke pemerintahan Leo V yang sekali lagi menentang penyembahan ikon kerana ditakuti ianya menjadi penyembahan berhala. Pengganti Leo iaitu Michael II turut menyokong gerakan anti penyembahan imej sehinggalah pemerintahan anaknya Theophilus yang mempunyai isteri Theodora yang menggunakan kembali ikon-ikon dalam upacara penyembahan mereka (Redzuan, 2011).

Pada hakikatnya, penganut agama Kristian mempercayai satu Tuhan tetapi terperangkap dalam konsep trinity apabila doktrin Jesus sebagai anak tuhan dimasukkan dalam kepercayaan Kristian. Ini ditambah lagi dengan kedudukan Holy Spirit sebagai elemen yang ketiga dalam mencerminkan kecintaan di antara tuhan dan anak tuhan. Tuhan adalah satu namun tuhan juga adalah tiga iaitu Bapa, Anak dan Roh kudus. Walaupun kepercayaan trinity ternyata misteri dan menjadi perjuangan setiap penganutnya dalam usaha mereka untuk cuba menerangkan konsep ketuhanan mereka namun ianya tetap kukuh digunakan oleh majoriti penganut Kristian dalam upacara peribadatan seperti amalan mereka membuat tanda salib dengan meletakkan tangan di dahi dan kedua bahu mereka yang diikuti dengan lafaz trinity.

Masyarakat Kristian mengalami dilema yang lebih hebat apabila ketiga-tiga oknum trinity perlu digambarkan dalam rupa bentuk lukisan. Terdapat perdebatan di antara Ortodoks Kristian dan Katolik Kristian tentang imej tuhan bapa. Kristian Ortodoks enggan meletakkan apa-apa imej untuk tuhan bapa manakala Kristian Katolik menggambarkan tuhan bapa sebagai burung merpati putih. Menurut Kristian Ortodoks, hanya tuhan anak yang boleh digambarkan kerana beliau telah dilahirkan sebagai manusia hasil daripada inkarnasi tuhan ke dalam Jesus.

Kesimpulannya, penganut Kristian Katolik dan Ortodoks menganggap imej Jesus, Mary dan sebahagian Saints sebagai suci dan harus menggunakan imej-imej tersebut dalam upacara keagamaan dan hal ini bertentangan dengan pendapat Kristian Protestan. Hujah menggunakan imej adalah berdasarkan kepada kepercayaan mereka terhadap inkarnasi tuhan dalam jasad manusia membolehkan anak tuhan dipersonifikasikan.

3. PENYEMBAHAN IMEJ DALAM AGAMA HINDU

Sekiranya ditelusuri sejarah kepercayaan agama Hindu, kepercayaan klasik Hindu pada zaman Veda didapati tiada penyembahan patung berlaku. Kitab-kitab seperti Samhitas, Brahmanas, Aranyakas dan Upanishad yang dikarang sekitar 1500SM hingga 200SM tidak melaporkan sebarang aktiviti penyembahan patung dijalankan oleh masyarakat Hindu yang dianggap sebagai satu ritual. Teks-teks Veda menyebutkan tentang kewujudan banyak tuhan namun tidak wujud sebarang bentuk penyembahan berhala berlaku. Penyembahan kepada ikon-ikon dalam ajaran Hindu hanya berlaku kemudian (Salmond, 2006).

Terdapat tiga tuhan utama yang disembah dalam ajaran Hindu yang dikenali sebagai Tirmoorti dan setiap daripada dewa ini mempunyai rupa bentuknya yang tersendiri. Brahma dikenali dengan dewa yang mempunyai empat kepala menghadap ke arah yang berbeza, Vishnu pula merupakan dewa yang berbadan biru dan Shiva pula dikenali dengan dewa yang memegang tombak.

Imej-imej tersebut merupakan kepercayaan asas dalam ajaran Hindu seperti yang boleh dilihat dalam kuil-kuil Hindu. Ikon-ikon tersebut tidak terlepas daripada diukir dalam pelbagai bentuk. Ada yang berbentuk manusia dan ada juga yang berbentuk manusia dan haiwan. Kadangkala ianya juga boleh dirupa paraskan dalam bentuk simbol objek seperti *linga* Shiva. Imej-imej ini pada kebiasaannya dibuat daripada batu (*granite*), logam dan juga kayu. Ukiran-ukiran dewa akan dibuat berdasarkan kepada teks mereka *Shilpa Shastra (Science of Shilpa)* yang merujuk kepada ilmu kesenian dalam Hindu (Gwyne 2018).

Kesemua patung-patung ini disebut sebagai *murti* yang merujuk kepada penjelmaan dewa-dewa sembah penganut Hindu ke dalam ikon-ikon tersebut. Kepercayaan kepada *murti*

menjadi dasar dalam mazhab Vaishnavisme iaitu mazhab yang mengagungkan tuhan Vishnu. Menurut kepercayaan penganut Vaishnavisme, Vishnu boleh menjelma dalam hati manusia dan dalam masa yang sama boleh menjelma dalam bentuk batu, logam dan kayu.

Pembuatan patung dewa ini akan dilakukan mengikut proses yang telah ditetapkan agar kesucian patung tersebut dapat dipelihara. Sekiranya tidak dijaga dengan betul, ianya hanya akan dianggap sebagai patung yang tidak mempunyai nilai ketuhanan. Bagi memastikan hal ini tidak berlaku, patung perlulah direndam ke dalam air sejuk dan kemudian setelah dikeringkan ianya akan direnjis dengan campuran air susu, yoghurt, ghee, gula dan madu diiringi dengan pembacaan mantra. Setelah itu, patung akan diletakkan pada ruang dalam kuil.

Bhagavata Purana sangat menggalakkan agar penyembahan kepada *murti* ini diikuti dengan kepercayaan bahawa ianya bukanlah satu objek material yang biasa. Setiap penganut Hindu dituntut untuk mempercayai akan kewujudan roh tuhan mereka dalam setiap patung yang diukir.

Menurut Redzuan (2011) Setiap pagi, ritual untuk membangunkan *murti* akan dilakukan menerusi alunan muzik. Kemudian, *murti* tersebut akan dibasuh dan dipakaikan baju serta diletakkan kalungan bunga dan seterusnya *murti* akan dihidangkan dengan makanan serta dibacakan beberapa doa dan mantra.

Murti dianggap sebagai tuan kepada sesebuah kuil. Kemasyhuran kuil adakalanya terletak pada kemasyhuran *murti* kuil tersebut kerana ianya merupakan fokus utama dalam sesebuah kuil (Fowler, 1996). Di dalam Bhagavad Gita pada ayat 12.5 menyebutkan,

Those whose minds are attached to the unmanifest aspect have much greater tribulations because devoid of any perceptible form and attributes success is achieved with great difficulty due to the beings identifying with the body.

Hanya sebahagian manusia sahaja mampu untuk fokus kepada sesuatu yang tidak dapat dilihat seperti Brahman yang tidak mempunyai sebarang bentuk atau para rupa. Oleh itu antara faktor utama Hindu menyembah patung adalah bertujuan untuk meberikan fokus sepenuhnya kepada penyembahan dewa mereka. Masyarakat awam umumnya tidak mampu untuk fokus

tanpa ada sesuatu yang bersifat material. Selain itu, patung juga diperlukan agar fokus seseorang tidak mudah terganggu. Lebih mudah bagi manusia untuk fokus kepada sesebuah material yang dianggap sebagai manifestasi tuhan yang boleh didapati dengan pancaindera (Cortright, 2010). Oleh itu, patung hanyalah dianggap sebagai simbol supaya minda dapat dipusatkan pada penyembahan.

Namun begitu, sekiranya diteliti dengan lebih mendalam, *murti* bukan hanya merupakan sebuah simbol biasa. Ini adalah kerana penganut Hindu sangat menjaga *murti* sehingga sesiapa sahaja yang secara sengaja mahupun tidak sengaja menyebabkan kerosakan kepada *murti*, dianggap sebagai berdosa dan dikehendaki menunaikan ritual *yatra* seperti ritual haji bagi menghapuskan dosa-dosanya (Redzuan, 2011).

Sekiranya dilihat daripada kacamata agama monoteistik yang menolak pengimejan tuhan, konsep *murti* dalam Hindu sememangnya sinonim dengan penyembahan berhala. Namun begitu, menurut sebahagian penganut Hindu, mereka akur bahawa sesuatu yang azali tidak boleh digambarkan dalam bentuk yang tidak azali seperti patung yang dibuat oleh manusia. Mereka berpendapat *murti* bukanlah objek yang disembah dan dipuja akan tetapi berfungsi sebagai kewujudan tuhan yang dapat dizahirkan dalam bentuk fizikal (Gwynne 2018).

Bagi penganut Hindu, *murti* merupakan saluran fizikal yang mengalirkan kuasa suci, satu titik temu antara bumi dan langit. Walaupun penganut Hindu turut bersetuju dengan ajaran Islam dan Yahudi bahawa Tuhan yang absolut tidak dapat dijangkau secara fizikal, namun mereka bersetuju dengan penganut Kristian yang menyatakan bahawa tuhan dapat dijangkau melalui simbol dan imej suci. Dalam teologi Hindu, justifikasi dalam menggunakan imej yang dapat dilihat dan imej yang tidak dapat dilihat boleh difahami dalam konsep nirguna dan saguna. Nirguna merujuk kepada tuhan suci yang tidak mempunyai rupa bentuk dan sifat-sifat kemanusiaan. Adapun saguna merujuk kepada tuhan yang mempunyai nama dan sifat-sifat yang tersendiri (Gwynne 2018). Pendek kata, penganut Hindu yang mampu untuk menyembah tuhan tanpa memerlukan kepada bentuk fizikal kerana telah mencapai tahap pencerahan yang tinggi dan boleh merasakan kehadiran Brahman. Manakala bagi mereka yang masih rendah tingkatan spiritualnya, mereka memerlukan medium fizikal dalam pemujaan agar boleh fokus dalam upacara penyembahan.

Sekiranya dilihat daripada perspektif agama Islam dan Yahudi yang bersifat monoteistik, ajaran Hindu jelas menunjukkan ciri-ciri politeistik. Namun begitu, bagi sebahagian penganut Hindu, ajaran agama mereka juga bersifat monoteistik di mana sebahagian mereka menganggap hanya tuhan Brahman merupakan satu-satunya tuhan walaupun dalam ajaran Hindu mempunyai lebih 300 juta tuhan namun kesemuanya hanyalah merupakan manifestasi daripada tuhan Brahman. Begitulah kepercayaan sebahagian penganut Hindu yang dikenali sebagai Advaita.

Secara keseluruhan, penganut Hindu menganggap setiap patung adalah suci dan mewakili tuhan-tuhan yang berbeza. Menurut penganut Hindu, sebahagian manusia memerlukan objek agar lebih fokus dalam melaksanakan ritual keagamaan dan terdapat juga segelintir manusia yang boleh melaksanakan ritual tanpa objek penyembahan. Yang demikian, penyembahan imej dalam Hindu boleh dianggap sebagai bersifat subjektif dan personal.

4. PENYEMBAHAN IMEJ DALAM AGAMA BUDDHA

Menurut hasil dapatan arkeologi, penyucian ikon dalam ajaran Buddha hanya bermula 200 tahun selepas Siddharta Gautama mengasaskan ajarannya (Reinders, 2005). Perkataan Buddha bukanlah merujuk kepada nama ataupun keturunan akan tetapi merupakan gelaran yang diberikan kepada Siddharta Gautama yang mengasaskan ajaran tersebut. Menurut Gwyne (2018), dalam tradisi Theravada Buddhist terdapat 27 Buddha yang lahir sebelum Siddharta Gautama yang merupakan Buddha pada zaman ini. Berbeza dengan Mahayana Buddhist yang menganggap bukan satu Buddha sahaja yang diturunkan pada setiap zaman namun terdapat ikon Buddha lain yang telah mencapai tahap pembebasan disebut sebagai bodhisattva.

Umumnya, pada 200 tahun pertama selepas kematian Buddha, ajaran Buddha tidak mempunyai sebarang Buddha meminta agar tiada rupa bentuk patung boleh dibuat sebagai penyembahan kepadanya, namun begitu setelah kematiannya ikon dan imej dalam rupa bentuk Buddha telah tersebar luas (Harvey, 2015). Sebaliknya, ajaran Buddha hanya menggunakan simbol untuk melambangkan Buddha tanpa mengukir imejnya yang sebenar. Buddha hanya dilambangkan dengan simbol tapak kakinya (impak Buddha terhadap dunia) ataupun dengan imej seseorang yang sedang duduk di bawah pokok sedang bermeditasi. Agama Buddha juga

dilambangkan dengan roda dharma yang merujuk kepada ajarannya. Namun, kesan daripada budaya Yunani yang masuk ke India hasil daripada penjajahan Alexander the Great, masyarakat Buddha mula membina patung yang melambangkan Buddha. Menurut Gwyne (2018) terdapat beberapa posisi Buddha yang disebut sebagai *mudras* di mana setiap posisi tersebut mempunyai simbol dan maksud yang berbeza. Sebagai contoh terdapat patung Buddha yang digambarkan sedang dalam keadaan duduk di bawah pokok Bodhi ketika menerima *enlightenment*. Terdapat juga patung-patung Buddha yang digambarkan dalam keadaan berdiri dan baring. Kesemua patung-patung ini membawa ciri-ciri yang tersendiri dengan ukiran pada tangan yang berbeza maksud antara satu dengan yang lainnya.

Selain daripada simbol-simbol berkenaan, ketika dalam fasa awal perkembangan ajaran Buddha, simbol Buddha juga boleh dijumpai di kuilnya yang disebut sebagai *stupa*. Penganut Buddha mempercayai *stupa* mengandungi tubuh Buddha. Ia merupakan simbol keagamaan dalam ajaran Buddha yang dibina bagi meletakkan bahagian daripada tubuh Buddha di dalamnya. Setelah Buddha mencapai nirvana, jasadnya telah dibakar. Kemudian abu daripada jasad tersebut telah dibahagi-bahagikan dan diletakkan ke dalam lapan *stupa* yang diletakkan di dalamnya peti mati (*urn*) (Ridzuan, 2011).

Pada abad ke-3 sebelum masihi, seorang raja India, Asoka (273-232SM) yang telah menukar agama Hindu kepada Buddha telah membuka *stupa* yang asli dan membahagikan bahagian-bahagian abu tersebut kepada beribu-ribu *stupa* yang dibina olehnya. Menurut penganut Buddha, bahagian-bahagian abu yang dimuatkan dalam *stupa*, melambangkan kehadiran Buddha. Hal ini secara tidak langsung melahirkan pendapat-pendapat yang mengatakan mereka terlihat Buddha di kawasan *stupa*. Walaupun Buddha dianggap hadir dalam *stupa*, namun penganut Buddha tidak memperakui bahawa upacara penyembahan adalah dilakukan kepada Buddha (Ridzuan, 2011).

Sebaliknya menurut penganut Buddha, *stupa* tidaklah disembah akan tetapi hanya membantu penganut Buddha dalam memberikan fokus dan konsentrasi dalam bermeditasi. Ianya juga sebagai peringatan dalam meningkatkan tahap kesedaran minda seseorang. Ianya juga adalah hasil daripada proses menenangkan jiwa yang dilakukan bagi membebaskan jiwa seseorang daripada keterikatan kepada dunia semata-mata (Ridzuan, 2011).

Proses menenangkan jiwa ini sangat berkait rapat dengan lapan jalan mulia yang merupakan asas ajaran Buddha. Lapan jalan mulia ini merupakan antara kaedah yang menjadi panduan penganut Buddha dalam melepaskan hati mereka daripada belenggu nafsu. Oleh itu, dengan adanya replika *stupa* serta abu daripada jasad Buddha yang diletakkan di dalam peti dan ditempatkan di dalam *stupa*, penganut Buddha yakin konsentrasi yang sepenuhnya dapat dicapai dalam proses meditasi (Ridzuan, 2011).

Menurut Gwyne (2018) dalam tradisi *Theravada Buddhism*, telah menjadi kelaziman bagi penganutnya untuk meletakkan patung Buddha di kuil-kuil dan tunduk meletakkan dahi di lantai di hadapan patung Buddha. Selain itu, dalam ritual agama mereka akan memberikan sesuatu kepada patung Buddha seperti bunga, lilin, makanan dan sebagainya (Swearer, 2003). Sekiranya dilihat dengan mata kasar, perbuatan tersebut menyerupai perbuatan penyembahan. Namun begitu, dakwaan tersebut ditolak oleh penganut Buddha yang mengatakan bahawa perbuatan tersebut hanyalah merupakan tanda hormat mereka terhadap Buddha. Mereka membezakan di antara perbuatan penyembahan serta perbuatan penyucian imej Buddha. Menurut penganut Buddha, mereka tidak menyembah kepada tuhan mahupun Buddha. Mereka hanya menganggap patung Buddha sebagai perantaraan dalam aktiviti meditasi mereka.

Penyucian terhadap patung-patung Buddha juga dapat dilihat dalam tradisi Mahayana Buddhist yang menyembah patung-patung bodhisattva yang dipercayai sebagai inkarnasi Amitabha. Bodhisattva adalah manusia yang telah mencapai kesempurnaan dan bersedia untuk mendapatkan kebebasan dan mencapai nirvana namun menanggukkan hal tersebut kerana ingin membantu manusia lain dalam proses kebebasan daripada hawa nafsu. Pengorbanan mereka ini menyebabkan kedudukan mereka diangkat dan menjadi perantara dalam meditasi penganut Buddha. Antara bodhisattva yang paling popular adalah Avalokteshvara yang lazimnya dikenali dengan nama Guanyin yang menyerupai wanita di Cina dan Kwannon yang menyerupai lelaki di Jepun. Penyembahan terhadap Amitabha secara meluas ini menyebabkan konflik berlaku dalam kalangan penganut Buddha samada Buddha lebih dominan ataupun Amitabha (Gwyne, 2018).

Kesimpulannya, walaupun ajaran Buddha tidak memperincikan konsep ketuhanan dalam perbincangan agama mereka, namun dalam upacara penyembahan dan meditasi kewujudan patung Buddha mahupun bodhisattva sangat signifikan bagi mereka. Patung

tersebut tidak menjadi objek penyembahan akan tetapi hanya berperanan sebagai mediator dalam membantu meningkatkan fokus mereka dalam bermeditasi.

5. PERBANDINGAN PENYEMBAHAN IMEJ DALAM AJARAN KRISTIAN, HINDU DAN BUDDHA

Secara umumnya, ajaran Kristian, Hindu dan Buddha kesemuanya menganggap imej yang wujud dalam upacara penyembahan agama masing-masing sebagai sesuatu yang suci. Hal ini jelas dapat dilihat dalam agama Hindu di mana patung-patung yang berada di dalam kuil mereka akan dijaga dengan rapi dan dipakaikan dengan pakaian serta mandian yang khusus. Begitu juga dengan ajaran Kristian yang menganggap imej salib dan Jesus sebagai sesuatu yang suci kerana melambangkan doktrin utamanya iaitu fasa permulaan ketuhanan Jesus di tiang salib. Adapun ajaran Buddha menganggap patung Buddha adalah sesuatu yang suci namun tidak mendewakannya kerana mereka tidak percaya kepada konsep ketuhanan.

Sebaliknya dalam ajaran Hindu mereka mempercayai patung-patung tersebut suci kerana menganggap kuasa tuhan berada dalam patung-patung tersebut. Adapun dalam ajaran Kristian, simbol salib dan imej-imej Jesus serta *saint* hanyalah imej tanpa terdapat sebarang inkarnasi. Begitu juga dengan Buddha yang menganggap patung Buddha hanyalah semata-mata untuk membantu manusia untuk lebih fokus dalam upacara penyembahan. Menurut Buddha, penggunaan imej dalam upacara peribadatan adalah sebagai tanda hormat mereka terhadap Buddha yang berperanan sebagai guru dalam membantu mereka melakukan meditasi. Persamaan ini dapat dilihat dalam ajaran Kristian yang meletakkan imej Jesus dan simbol salib sebagai asas doktrin trinitas yang mereka yakini dapat menyelamatkan mereka dalam kehidupan selepas mati. Adapun menurut ajaran Hindu, tidak semua manusia dapat memberikan fokus terhadap sesuatu yang abstrak yang tidak dapat dilihat dan dipegang dengan mata dan tangan. Oleh itu, kewujudan patung dalam upacara penyembahan akan membantu penganut Hindu untuk lebih fokus ketika melakukan penyembahan mereka yang disebut sebagai *saguna* di mana tuhan-tuhan mereka diberikan imej-imej khusus samada dalam bentuk manusia mahupun haiwan dan juga dengan nama-nama tertentu.

Secara tidak langsung, agama yang terdapat di dalamnya penyembahan imej akan dianggap sebagai agama politeistik kerana memberikan tuhan imej seperti manusia dan dirupakan dalam pelbagai bentuk. Pada hakikatnya, ia tidak akan terlepas daripada perbincangan tentang soal pokok ketuhanan samada Kristian dan Hindu merupakan agama yang bersifat monoteis atau politeis.

Walaupun pada zahirnya kedua-dua ajaran Kristian dan Hindu mempercayai kewujudan yang pelbagai, namun hakikatnya mereka mempercayai hanya terdapat satu tuhan yang memelihara seluruh alam. Ajaran Hindu misalnya, yang menggunakan teori *nirguna* dalam menerangkan tentang kewujudan tuhan yang satu iaitu Brahman. Kristian pula menganggap trinititi bukanlah sebagai tiga tuhan yang berbeza akan tetapi merupakan satu tuhan yang merangkumi peranan yang berbeza. Jelas di sini, penyembahan imej tidak semestinya dikaitkan dengan ajaran politeisme sahaja. Hal ini menjadi isu perdebatan dalam konsep ketuhanan monoteisme itu sendiri apabila definisi monoteisme ditasirkan menurut kehendak sesebuah agama dan difahami secara relatif. Kefahaman relatif ini menyebabkan perdebatan dalam menegakkan konsep monoteisme sebenar antara ajaran monoteisme seperti Islam dan Yahudi yang jelas menyembah satu tuhan dengan ajaran monoteisme yang menganggap kewujudan tuhan terbentuk dalam beberapa entiti yang berbeza.

Lebih ironi lagi apabila penyembahan imej ini dilihat dalam ajaran Buddha yang tidak mempercayai kewujudan tuhan namun wujud patung-patung dalam rumah ibadat mereka. Jika ditelusuri dari aspek sejarah kewujudan patung jelas menunjukkan bagaimana ajaran Buddha yang berasal di India akhirnya setelah beberapa ratus tahun kematian Buddha terkesan semula dengan ajaran Hindu yang sememangnya menyembah ikon-ikon dalam pemujaan mereka. Perbezaan kedua ajaran ini hanyalah terletak pada konsep ketuhanan di mana Buddha menolak konsep ketuhanan dan Hindu sebaliknya. Siddharta Gautama dianggap sebagai seorang guru manakala patung-patung Hindu dianggap sebagai tuhan seperti Brahma, Vishnu dan Shiva. Sekiranya Siddharta Gautama dianggap sebagai guru dalam hal ehwal pembebasan fizikal daripada nafsu, begitu juga dengan ajaran Kristian yang menganggap Jesus sebagai penyelamat yang membimbing manusia untuk sampai kepada tuhan. Penganut Kristian tidak akan sampai kepada tuhan tanpa mempercayai Jesus sebagai anak tuhan yang diturunkan ke bumi menebus dosa umat manusia.

Jika diteliti daripada sudut bentuk imej pula, ketiga-tiga agama jelas melambangkan objek penyembahan mereka dengan patung yang berbentuk manusia kecuali Hindu yang ditambah lagi dengan bentuk-bentuk haiwan. Agama Kristian dan Hindu jelas mempercayai konsep antropomorfisme di mana terdapat ciri bentuk kemanusiaan dalam tuhan. Hal ini berkait rapat dengan kefahaman inkarnasi dalam kedua-dua ajaran. Kristian mempercayai roh tuhan dijelmakan dalam rupa bentuk manusia yang dianggap sebagai anaknya untuk menebus dosa yang diwarisi oleh manusia. Adapun dalam ajaran Hindu, konsep avatar iaitu jelmaan tuhan ke dalam pelbagai rupa bentuk manusia bercampur dengan haiwan dianggap sebagai penyelamat manusia daripada sebarang musibah dan malapetaka. Adapun dalam Buddha, Mahayana Buddhist percaya terdapat Buddha dan jelmaan Buddha pada setiap zaman sehingga melahirkan patung-patung Buddha selain Siddharta Gautam seperti Kuan Yin, Mazu dan sebagainya di mana mereka dianggap sebagai Bodhisattva yang cuba menyelamatkan manusia daripada lingkaran karma.

Secara keseluruhannya, terdapat persamaan dalam penyembahan imej dalam agama Kristian, Hindu dan Buddha di mana kesemua agama ini menganggap imej dalam ritual keagamaan merupakan suci dan berfungsi sebagai mediator dalam melaksanakan penyembahan atau meditasi. Agama Hindu mempercayai kewujudan inkarnasi tuhan ke dalam fizikal patung tersebut. Manakala agama Kristian dan Buddha hanya menganggap imej dan patung sebagai simbol kepada penyelamat dan guru mereka. Daripada aspek ketuhanan pula, ajaran Kristian dan Hindu jelas mengamalkan ajaran berbentuk politeis yang terkesan dengan kepercayaan pagan. Sebaliknya, ajaran Buddha tidak mempercayai konsep ketuhanan namun menggunakan imej Buddha dalam ritual keagamaan. Selain itu daripada aspek rupa bentuk patung, Kristian dan Buddha menggunakan imej Jesus dan Siddharta Gautama selain simbol-simbol agama manakala tuhan-tuhan dalam agama Hindu dirupabentuk dalam pelbagai imej termasuk campuran antara imej manusia dan haiwan.

6. KESIMPULAN

Penyembahan imej dalam ajaran Kristian, Hindu dan Buddha berlatarbelakangkan kefahaman doktrin yang berbeza namun mempunyai persamaan dari aspek menganggap imej yang wujud dalam upacara penyembahan sebagai suci. Ikon anak inkarnasi tuhan, *murti* dan guru menjadi imej yang pasti wujud dalam upacara pemujaan serta meditasi dalam meningkatkan fokus

penganutnya dalam melaksanakan ritual keagamaan. Imej-imej ini dipelihara dengan baik kesuciannya dan dihormati kewujudannya dengan hiasan dan penjagaan yang istimewa. Imej-imej dalam agama juga pada awalnya dipersepsikan sebagai agama politeisme yang mempunyai unsur pagan. Namun penganut ajaran-ajaran tersebut menangkis dengan menganggap agama mereka turut sama berkongsi fahaman monoteisme namun dalam bentuk yang berbeza. Tuntasnya, kefahaman penyembahan imej dalam agama-agama perlulah diketahui dan difahami menurut ajaran agama-agama tersebut dalam konteks dialog antara agama namun pada dasarnya sebagai seorang Muslim, Islam jelas menolak sebarang penyembahan imej dalam upacara peribadatan yang dianggap mensyirkkan Tuhan.

RUJUKAN

- Cortright, Brant (2010). *Integral Psychology: Yoga, Growth, and Opening the Heart*. New York: State University of New York Press.
- Eck, Diana (1998). *Darsan: Seeing the Image in India*. New York: Columbia University Press
- Fowler, Jeaneane D. (1996). *Hinduism: Beliefs and Practices*. UK: Sussex Academic Press.
- Gwynne, Paul. (2018). *World Religions in Practice: A Comparative Introduction*. USA: Wiley
- Halbental, Moshe, Margalit, Avishai & Goldblum, Naomi. (1992). *Idolatry*. Harvard: Harvard University Press.
- Harvey, Peter. (2015). *An Introduction to Buddhism: Teachings, History and Practices*. Cambridge: Cambridge University Press
- Hillerbrand, Hans J. (2012). *A New History of Christianity*. Maryland: Abingdon Press
- Kaufmann, Yehezkel. (1960). *The Religion of Israel: From its Beginnings to the Babylonian Exile*. Univ. of Chicago Press.
- Reinders, Eric. (2005) Francesco Pellizzi (ed.). *Anthropology and Aesthetics*. Harvard: Harvard University Press.
- Ridzuan Wu. (2011). *Explaining Islamic Beliefs Across Cultures*. Kuala Lumpur: Regional Islamic Da'wah Council of Southeast Asia and the Pacific.
- Salmond, Noel, (2006). *Hindu Iconoclasts: Rammohun Roy, Dayananda Sarasvati, and Nineteenth-Century Polemics against Idolatry*. Wilfrid Laurier University Press.
- Swearer, Donald K. (2004). *Becoming the Buddha: The Ritual of Image Consecration in Thailand*. Nj: Princeton University Press

_____. (2003). *An Introduction to Buddhism: Teachings, History and Practices*.

Cambridge: Cambridge University